

**SKEMA UJIAN DIAGNOSTIK SPM  
TAHUN 2013**

**BAHASA MELAYU KERTAS 1  
2 Jam 15 Min**

**SKEMA JAWABAN / GARIS PANDUAN UNTUK GURU**

**BAHAGIAN A**

**Soalan:**

*Gambar di bawah menunjukkan aktiviti kejiiran dalam kalangan masyarakat. Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk memupuk semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat Malaysia**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 - 250 patah perkataan.*

**Dimensi** : Masyarakat  
**Format** : Tiada  
**Tugasan Soalan** :

Murid-murid dapat menghuraikan usaha-usaha memupuk semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat Malaysia yang dinyatakan dalam bahan rangsangan.

**Cadangan Isi** :

1. Melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong – bekerjasama membersihkan kawasan tempat tinggal – saling berkenalan semasa bergotong-royong – lahir masyarakat yang mempunyai semangat kejiiran
2. Mengamalkan ziarah-menziarahi – jiran yang sakit atau mengadakan kenduri – membantu atau turut meraikan majlis yang diadakan – wujud masyarakat yang saling menolong antara satu sama lain yang lahir dari semangat kejiiran
3. Menganjurkan rumah terbuka – masyarakat berbagai-bagai kaum hadir – saling berkenalan – mengenali adat dan budaya kaum-kaum di negara ini – wujud rasa hormat-menghormati – masyarakat harmonis yang lahir dari semangat kejiiran

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 1**

Amalan berjimat cermat amat dituntut dalam kehidupan seharian.

Sebagai pelajar, bincangkan cara-cara anda mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.

**Dimensi** : Diri  
**Format** : Tiada  
**Tugasan Soalan** :

Murid-murid dapat menghuraikan cara-cara dia (ada saya/kita dalam ayat topik) mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.

**Cadangan Idea** :

1. Membeli barang yang perlu sahaja – kitar semula
2. Membawa bekalan makanan ke sekolah.
3. Membantu keluarga berjimat cermat – membantu keluarga menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah.
4. Mengelakkan pembaziran – menggunakan barangan dengan cermat dan membeli mengikut keperluan.
5. Menabung wang untuk digunakan semasa diperlukan.
6. Mengamalkan makan di rumah
7. Menggunakan air dan elektrik dengan cermat

### **Soalan 2**

Belakangan ini, masyarakat sering digemparkan oleh berita yang melibatkan kehilangan, penculikan, dan pembunuhan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, keluarga perlu memainkan peranan dalam memastikan keselamatan anak-anak terjamin.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak.

**Dimensi** : Keluarga  
**Format** : Tiada

**Tugasan soalan** :

Murid-murid dapat menghuraikan peranan ahli keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak.

**Cadangan Idea** :

1. Ibu bapa dan ahli keluarga berperanan memastikan keselamatan anak-anak pada setiap masa.
2. Ibu bapa dan ahli keluarga berperanan memberi didikan kepada anak-anak tentang keselamatan diri.
3. Ibu bapa dan ahli keluarga berperanan memberi kasih sayang sepenuhnya kepada anak-anak supaya mereka berasa disayangi, dihargai dan selamat – tidak mengabaikan anak-anak.
4. Ibu bapa dan ahli keluarga berperanan tidak lalai dalam menjaga keselamatan anak-anak.

**Soalan 3**

Kerajaan mewajibkan Dasar 1Murid 1Sukan di setiap sekolah.

Tulis rencana tentang manfaat dasar tersebut kepada negara.

**Dimensi** : Negara  
**Format** : Rencana – tolak markah format  
Tiada tajuk – tolak 1  
Tiada nama penulis – tolak 1

**Tugasan Soalan** :

Murid-murid dapat menulis rencana tentang manfaat dasar 1Murid 1Sukan kepada negara

**Cadangan Idea** :

1. Melahirkan modal insan yang bersahsiah unggul dan berkeperibadian mulia.
2. Memupuk perpaduan kaum.
3. Menyediakan pelapis dalam bidang sukan demi kecemerlangan sukan negara.
4. Meningkatkan ekonomi negara melalui penganjuran pertandingan-pertandingan sukan.
5. Melahirkan rakyat yang sihat fizikal dan mental.

#### Soalan 4

Krisis kekurangan makanan yang berlaku di rantau ini dapat ditangani secara berkesan melalui kerjasama antara negara serantau.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani krisis tersebut.

**Dimensi** : Antarabangsa

**Format** : Tiada

**Tugasan Soalan** :

Murid-murid dapat menyenaraikan bentuk kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani krisis makanan di rantau ini.

**Cadangan Idea** :

1. Setiap negara di dunia mengadakan program makanan masing-masing - satu deklarasi perlu dikeluarkan dalam negara yang bernaung di bawah panji PBB – setiap negara yang memiliki tanah pertanian mesti mengusahakan sektor ini – persefahaman seperti ini akan membantu setiap negara dalam usaha untuk mengerjakan sumber pertanian ini.
2. Malaysia / negara-negara jiran / negara maju boleh membuat pelaburan berkaitan dengan sektor pertanian di negara-negara membangun – pelaburan boleh dilaksanakan dalam sektor pertanian – negara-negara membangun mempunyai sumber tanah dan buruh – perkara ini akan mengurangkan kos.
3. Malaysia / negara-negara jiran / negara maju boleh menyuntik modal pinjaman kepada negara-negara membangun untuk mengusahakan sektor pertanian – cara ini membolehkan negara-negara membangun mempunyai peruntukan yang mencukupi dalam usaha membangunkan pertanian di negara mereka sendiri.
4. Malaysia / negara-negara jiran / negara maju boleh berkongsi menyediakan kepakaran dalam sektor pertanian – pakar-pakar boleh memberikan nasihat dan tunjuk ajar untuk mengusahakan dan memajukan sektor pertanian dengan lebih cekap – membolehkan pulangan yang lumayan
5. Malaysia / negara-negara jiran / negara maju boleh berkongsi teknologi / pelbagai mesin yang canggih berkaitan dengan sektor pertanian – mesin tersebut boleh mengurangkan kos buruh – mesin-mesin ini juga menambah produktiviti pertanian.
6. Malaysia/ negara-negara jiran / negara maju menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada negara serantau yang menghadapi masalah makanan – bencana alam.

## Soalan 5

Membaca karya sastera dapat menyemai perasaan cinta akan negara, menambahkan ilmu pengetahuan dan memberikan pengajaran kepada pembaca.

Bincangkan.

**Dimensi** : KOMSAS  
**Format** : Tiada

**Tugasan Soalan** :

Murid-murid dapat menghuraikan bagaimana karya-karya sastera **memupuk semangat cinta akan negara** , **menambahkan ilmu pengetahuan** serta dapat **memberikan pengajaran** . Murid-murid dikehendaki mengemukakan contoh relevan yang dipetik dari mana-mana bahan karya sastera sama ada dalam bentuk puisi, cerpen atau novel. Murid-murid dibenarkan memasukkan isi lain tanpa menggugurkan ketiga-tiga saranan isi yang telah diberikan (hurup ditebalkan)

**Cadangan Idea** :

1. Menyemai perasaan cinta akan negara
  - Isi cerita menaikkan semangat
  - Ucapan atau kata-kata menimbul rasa ingin berjuang
  - Semangat perjuangan watak dalam karya menyuntik keberanian, semangat patriotic.
  - Kekejaman dan kerakusan penjajah yang terdapat dalam karya
2. menambahkan ilmu pengetahuan
  - dalam karya terdapat pelbagai ilmu – sejarah, geografi, sains
  - ilmu dalam karya jadi panduan
  - tindakan watak dalam cerita boleh memberi ilmu kemanusiaan dan pengalaman berguna kepada pembaca
3. memberikan pengajaran
  - peristiwa, tindakan watak, dan isi boleh dijadikan panduan kepada pembaca